

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR
(SETIU)**

TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)

SOALAN :

Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir (SETIU) minta PERDANA MENTERI menyatakan garis panduan untuk pemimpin-pemimpin Kerajaan yang beragama Islam menghadiri dan menyertai majlis sambutan perayaan berasaskan kaum dan agama di negara ini.

**JAWAPAN : (YB DATO' SERI DR. MUJAHID BIN YUSUF, MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Islam menerima dan meraikan realiti kepelbagaian. Namun wujudnya kepelbagaian bukan bermakna agama itu semuanya sama hingga melanggar batas-batas yang telah disyariatkan Allah SWT. Bahkan hikmah wujudnya kepelbagaian adalah supaya Islam dapat membuktikan dan melaksanakan rahmatnya melalui interaksi yang penuh kejujuran, kesopanan dan ketatasusilaan.

Penganjuran majlis sambutan perayaan berasaskan kaum dan agama di Malaysia seperti Majlis Hari Raya Aidil Fitri, Tahun Baru Cina, Deepavali, Hari Gawai, Krismas dan sebagainya bertujuan meningkatkan persefahaman, toleransi dan tanda perpaduan masyarakat Malaysia. Oleh itu, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-68 yang bersidang pada 12 April 2005, telah memperakui **Garis Panduan Orang Islam Turut Merayakan Hari Kebesaran Agama Orang Bukan Islam** untuk dijadikan rujukan dan panduan semua masyarakat muslim dalam menghadiri dan menyertai majlis sambutan perayaan berasaskan kaum dan fahaman agama di negara ini.

Garis Panduan menetapkan kriteria utama bagi perayaan orang bukan Islam yang boleh dihadiri dan disertai oleh masyarakat muslim iaitu:

- i) Majlis tersebut tidak disertakan dengan upacara-upacara yang bertentangan dengan akidah Islam.
- ii) Majlis tersebut tidak disertakan dengan perbuatan yang bertentangan dengan syarak.
- iii) Majlis tersebut tidak disertakan dengan perbuatan yang bercanggah dengan pembinaan akhlak dan budaya masyarakat Islam di negara ini.
- iv) Majlis tersebut tidak disertakan dengan perbuatan yang boleh menyentuh sensitiviti masyarakat Islam.

Sekian, terima kasih.